



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB

TIMBALAN MENTERI

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

BERSEMPENA DENGAN

**PERASMIAN PELANCARAN MALAYSIAN RECYCLING ALLIANCE
(MAREA)**

21 JANUARI 2022

SHAH ALAM CONVENTION CENTRE

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

YB Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man,

Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA),

Mr Juan Aranols,

Pengerusi Malaysian Recycling Alliance Berhad (MAREA) dan Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad,

En. Kamaruzaman Bin Umar

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan) KPKT

Puan Rizawati Binti Abdul Kadir

Setiausaha Bahagian

Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau KPKT

Puan Margaret Anak Kuyor

Timbalan Setiausaha Bahagian

Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau KPKT

1. Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izinNYA kita dapat bersama-sama pada pagi ini sempena Majlis **Pelancaran Malaysian Recycling Alliance (Marea)**.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya bagi Merasmikan Pelancaran Malaysian Recycling Alliance (Marea) ini. Terima kasih juga kepada semua yang sudi melapangkan masa untuk hadir ke majlis pada pagi ini. Saya juga ingin menyampaikan salam penuh takzim daripada YB Menteri Dato Sri Reezal Merican Naina Merican kepada semua, YB Menteri tidak dapat bersama kita kerana ada tugas-tugas lain yang perlu diselesaikan.

YB Datuk Seri, Tuan, Puan, Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Matlamat MAREA adalah sejajar dengan wawasan dan misi KPKT, yang mendukung usaha menyokong pihak-pihak berkuasa tempatan untuk menggalakkan pembangunan sosioekonomi positif demi membina masyarakat yang sihat sejahtera dan makmur.

4. Pengurusan sisa yang bertanggungjawab adalah sebahagian penting daripada usaha ini, agar kita boleh mewujudkan persekitaran yang bersih dan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia. Untuk tujuan itu, KPKT juga memainkan peranan untuk memastikan Malaysia mencapai kadar kitar semula sasaran negara.

5. KPKT telah berganding bahu dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), serta agensi-agensi Kerajaan lain, sektor swasta dan NGO-NGO untuk melaksanakan pelbagai program bagi menyokong pengurusan sisa lestari dan juga meningkatkan kesedaran awam dan memupuk budaya kitar semula yang lebih kukuh di Malaysia.

6. Berlandaskan matlamat ini dan sejajar dengan dasar ekonomi kitaran negara, KASA dan KPKT sedang menerajui usaha untuk menetapkan rangka kerja tadbir urus untuk skim Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (EPR).

7. Justeru, pelancaran MAREA pada hari ini harus dipuji, kerana menghimpunkan syarikat-syarikat terkemuka dalam industri barangan pengguna laris (FMCG) yang bertekad untuk menerajui inisiatif kitar semula berlandaskan satu matlamat bersepadu.

YB Datuk Seri, Tuan, Puan, Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Tidak dinafikan Malaysia telah mencapai kemajuan besar kebelakangan tahun ini dalam usaha menambah baik amalan kitar semula. Malah KPKT telah berjaya melaksanakan beberapa inisiatif untuk menyemai budaya kitar semula. Ini termasuk Komuniti Sisa Sifar, sebuah inisiatif proaktif di Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dilancarkan pada 2019. Inisiatif ini telah mengumpulkan kira-kira 122,592 kg bahan boleh kitar semula dan 25,696 kg sisa makanan setakat ini.

9. KPKT juga telah bekerjasama dengan Alam Flora Environmental Solutions untuk melancarkan Kemudahan RISE@KL bagi mendapatkan 50 hingga 100 tan lagi sisa yang boleh dikitar semula setiap hari. Matlamat ini dicapai dengan penubuhan Fasiliti Inovasi Kitar Semula, sebuah pusat berasaskan Pendidikan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia tentang kepentingan kitar semula dan bagaimana semua pihak dalam masyarakat boleh memainkan peranan masing-masing.

10. Selain daripada kempen kesedaran awam, sesungguhnya kita perlu memastikan amalan kitar semula yang baik dipupuk sejak dari usia muda, memandangkan golongan belia hari ini akan mencorakkan masa depan kita. Oleh yang demikian KPKT telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan modul kitar semula di sekolah-sekolah, dengan sejumlah 654 prasekolah dan 2,129 sekolah rendah dan menengah turut serta dalam program tersebut.

11. Kami juga sedang meluaskan rangkaian pusat kutipan kitar semula. Setakat ini, KPKT telah menyediakan 4,118 pusat kutipan di seluruh negara dan kami akan terus menambah bilangan ini. Dengan pertambahan lokasi, orang ramai boleh menghantar bahan kitar semula mereka ke pusat-pusat kutipan dengan lebih mudah.

12. Kami terus berusaha menambah baik penyelesaian pengurusan sisa. Dalam pada itu, kami baru-baru ini telah membuat persiapan bagi menubuhkan Majlis Ekonomi Kitaran Negara, yang disasarkan menjelang akhir Februari 2022. Matlamatnya ialah menyediakan platform kebangsaan untuk mengurangkan sisa yang dihantar ke kawasan kambusan tanah. MAREA juga terlibat dalam perbincangan dengan kami.

YB Datuk Seri, Tuan, Puan, Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Selain daripada inisiatif untuk menyemai budaya kelestarian yang kukuh, inisiatif seperti MAREA akan terus menyokong matlamat kami untuk memulihara alam sekitar negara demi generasi rakyat Malaysia pada masa depan.

14. Untuk tujuan ini, KPKT yakin bahawa dengan penyertaan aktif masyarakat, misi MAREA untuk mencapai kadar kutipan kitar semula 25% bagi bahan pembungkusan pasca pengguna menjelang 2025 akan menyumbang kepada usaha meningkatkan kadar kitar semula negara.

15. Sebelum saya mengundur diri, saya ingin menekankan bahawa melindungi alam sekitar memerlukan usaha menyeluruh – penglibatan semua pihak dalam masyarakat untuk mencetus perubahan positif. Marilah kita berganding bahu untuk mewujudkan masa depan yang lestari bagi Malaysia.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum wbt.